

MALAYSIAN TECHNICAL COOPERATION PROGRAMME (MTCP) 2021

TARIKH : 20 HINGGA 24 SEPTEMBER 2021

TEMPAT : Secara dalam talian (Platform ZOOM Meeting)

PENGLIBATAN : Negara MTCP

Satu lagi kejayaan!

Alhamdulillah, Malaysian Technical Cooperation Programme (MTCP) 2021, buat pertama kalinya dianjurkan secara dalam talian, telah berjaya dilaksana dengan cemerlang oleh INSTUN. Sejarah INSTUN bersama MTCP bermula pada tahun 2015 apabila INSTUN menyahut cabaran untuk menganjurkan program peringkat antarabangsa ini dengan tema “Survey and Mapping Practices” dengan penglibatan serama 19 orang peserta. Program secara bersemuka ini adalah sebagai salah satu tanggungjawab negara berkongsi kepakaran dan pengetahuan kepada semua peserta dari negara anggota MTCP. INSTUN yang membawa pengkhususan dalam bidang pentadbiran dan perundangan tanah serta ukur dan pemetaan telah berjaya menganjurkan program ini secara bersemuka sehingga tahun 2018 secara berturut-turut.

Setelah 2 tahun MTCP tidak dianjurkan INSTUN akibat pandemik Covid-19, INSTUN mengambil langkah berani untuk melaksana MTCP 2021 secara dalam talian. Langkah yang diambil ternyata membawa hasil apabila ia berjaya dilaksana dengan cemerlang. Kejayaan pelaksanaan dalam talian sudah pasti mengambil kira isu talian sebagai faktor utama. Alhamdulillah, sepanjang MTCP berlangsung selama 5 hari, tiada sedikit gangguan talian dari pihak pengajur mahu pun penceramah yang berada di Malaysia. Selain daripada itu, tajuk-tajuk yang telah direncana bagi memenuhi tema tahun 2021 iaitu *“Evolution of Land Administration and Development Policy in Malaysia”* telah berjaya disampaikan dengan sangat baik oleh penceramah yang telah dipilih. Hal ini dibuktikan dengan begitu banyak persoalan dan perbincangan antara peserta dan penceramah yang menggambarkan minat peserta terhadap topik yang dibangkitkan. Sudah pasti, topik yang dipilih adalah berdasarkan inisiatif kerajaan Malaysia dalam bidang pentadbiran dan perundangan tanah secara

khusus dan boleh diimplementasi oleh peserta di negara masing-masing. MTCP kali ini membawa 9 slot perkongsian iaitu dengan jumlah sebanyak 15 jam perkongsian berbanding 25 jam MTCP dianjurkan. Dengan penyertaan seramai 13 orang dari 6 negara memperlihatkan promosi dengan tema yang diketengahkan berjaya menarik perhatian para peserta dari pelbagai negara untuk serta program ini, walaupun ia diadakan secara dalam talian.

Apakah cabaran terbesar penganjuran pada kali ini? Sudah pasti perbezaan masa yang ketara antara penganjur iaitu masa Malaysia dengan para peserta yang hadir dari pelbagai negara. Namun, komitmen peserta sepanjang program dilaksana tidak dapat diragui lagi, amat baik dan konsisten walaupun masa yang ditetapkan adalah waktu tidur mereka.


Kejayaan ini tidak dapat dikecap tanpa kerjasama dari semua pihak. MTCP 2021 mengamalkan gerak kerja yang sama seperti tahun-tahun sebelumnya dengan melibatkan wakil dari semua bahagian di INSTUN. Dengan semua pihak memainkan peranan yang mantap, maka MTCP 2021 secara dalam talian menjadi penanda aras baru penganjurannya di INSTUN. Syabas dan tahniah kepada semua sekretariat MTCP 2021!



Kepercayaan berterusan Kementerian Luar Negeri (KLN) kepada INSTUN dalam menganjurkan MTCP merupakan antara titik tolak kejayaan ini. Bagi penganjuran kali kelima ini, ia membuka lembaran baru yang meningkatkan kematangan INSTUN dalam penganjuran program berbentuk latihan sama ada peringkat kebangsaan mahu pun antarabangsa. Semoga ruang dan peluang kerjasama ini dapat diteruskan dan ditingkatkan pada masa akan datang.


Diruangan ini, ucapan terima kasih tidak terhingga kepada semua yang terlibat dalam menjayakan program ini, sekretariat MTCP 2021, para penceramah, peserta dan sesiapa sahaja yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung. Semua telah memainkan peranan yang baik dengan kesungguhan yang jitu. MTCP 2021 melabuhkan tirainya pada 24 September 2021, tepat jam 5 petang dengan meninggalkan kenangan baru kepada penganjur dan peserta.

Terima kasih.

GAMBAR SEKITAR PROGRAM







MALAYSIAN TECHNICAL COOPERATION PROGRAMME (MTCP) 2021

EVOLUTION OF LAND ADMINISTRATION AND DEVELOPMENT POLICY IN MALAYSIA

20 - 24 SEPTEMBER 2021

PARTICIPANTS

<p>NAME : MR. NGUYEN NGOC TUYEN COUNTRY : VIETNAM POSITION : VICE CHIEF OF POLICY AND LEGAL DEPARTMENT, MINISTRY OF NATURAL RESOURCES AND ENVIRONMENT</p>  	<p>NAME : MR. AMOS MULI MUSYOKA COUNTRY : KENYA POSITION : PRINCIPAL LAND ADJUDICATION/SETTLEMENT OFFICER, MINISTRY OF LANDS AND PHYSICAL PLANNING</p>  
<p>NAME : MS. BUI THI HANG COUNTRY : VIETNAM POSITION : DEPUTY DEAN, INSTITUTE OF NATURAL RESOURCES AND ENVIRONMENT</p>  	<p>NAME : MR. LLOYD AMAYABI KARANI COUNTRY : KENYA POSITION : CARTOGRAPHER 1, MINISTRY OF LANDS AND PHYSICAL PLANNING</p>  
<p>NAME : MR. KHILESWAR DARAMSING COUNTRY : MAURITIUS POSITION : PRINCIPAL SURVEYOR, MINISTRY OF HOUSING AND LAND USE PLANNING</p>  	<p>NAME : MR. DIXON MUIGAI MUGO COUNTRY : KENYA POSITION : CARTOGRAPHER 1, MINISTRY OF LANDS AND PHYSICAL PLANNING</p>  
<p>NAME : MR. JAYKUMAR MOTYE COUNTRY : MAURITIUS POSITION : PRINCIPAL SURVEYOR, MINISTRY OF HOUSING AND LAND USE PLANNING</p>  	<p>NAME : MS. BEATRICE KIVUNGA LENJO COUNTRY : KENYA POSITION : SENIOR VALUER, MINISTRY OF LANDS AND PHYSICAL PLANNING</p>  
<p>NAME : MR. SAILENDRA SEEWOOGALAM COUNTRY : MAURITIUS POSITION : SENIOR SURVEYOR, MINISTRY OF HOUSING AND LAND USE PLANNING</p>  	<p>NAME : MS. CHENCHO PEM COUNTRY : BHUTAN POSITION : ASSISTANT LAND REGISTRAR, NATIONAL LAND COMMISSION SECRETARIAT</p>  
<p>NAME : MR. DEORA PEMBERTON COUNTRY : NEVIS POSITION : DIRECTOR, DEPARTMENT OF PHYSICAL PLANNING</p>  	<p>NAME : MS. GANNA TKACHENKO COUNTRY : UKRAINE POSITION : DEPUTY HEAD OF DIRECTORATE ON EUROPEAN INTEGRATION AND INTERNATIONAL COOPERATION</p>  
<p>NAME : MS. TITLON DOUGLAS COUNTRY : NEVIS POSITION : DEPUTY DIRECTOR, NEVIS ISLAND ADMINISTRATION</p>  	<p>NAME : MS. KATANCHALEE TAWEEPORNWATANAKUL COUNTRY : THAILAND POSITION : THE PROFESSIONAL OF PHOTOGRAHAMMETRIST,DEPARTMENT OF LAND</p>  